Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

# Tiga spy KGB Russia diusir

## Setiausaha politik jadi agen ditahan



SIDDIQ GHOUSE

**KUALA LUMPUR, Isnin — Kerajaan Malaysia hari ini mengusir dua orang diplomat Russia dan seorang kakitangan kedutaan Russia kerana menjalankan kegiatan khianat dan menangkap bekas Setiausaha Politik kepada Timbalan Perdana Menteri, Encik Siddiq Ghouse atas tuduhan menjadi agen pengintip KGB Russia.**

**Ketiga diplomat tersebut, seorang darinya dikenali sebagai pegawai kanan KGB (Polis Rahsia Russia) diberi tempoh 24 jam meninggalkan negara ini.**

Mereka yang diusir ialah V.P. Ramanov (Pegawai Kanan KGB), Setiausaha Kedua Kedutaan Russia; G.I.Stepnavos Setiausaha Pertama Kedutaan, dan Z.I. Khamidouline, seorang kakitangan kedutaaan bukan diplomat di bahagian ekonomi kedutaan.

Siddiq Ghouse ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie berkata, polis dalam siasatannya sejak awal tahun 1979 mendapati bahawa Siddiq membuat perhubungan dengan Ramanov, seorang pegawai KGB).

### Hubungan

Tan Sri Ghazali dalam satu kenyataan berkata, polis dalam siasatannya sejak awal tahun 1979 mendapati bahawa Siddiq telah membuat perhubungan dengan Ramanov, seorang pegawai KGB (Polis Rahasia Soviet), yang menimbulkan syak wasangka.

Pengesanan yang rapi oleh polis tentang perhubungan Ramanov dengan Siddiq membuktikan bahawa Ramanov telah berjaya menjadikan Siddiq seorang agen KGB.

Ramanov dibantu oleh Stepanov dan Khamidauline, yang juga pegawai-pegawai KGB.

Tan Sri Ghazali berkata peralatan-peralatan yang dibekalkan kepada Siddiq oleh KGB Soviet telah pun dirampas.

## Kegiatan khianat ancam negara dibongkar

Oleh JASNI RAHIM

Perintah pengusiran mereka itu telah disampaikan kepada Kuasausaha Soviet di sini, M.S. Koliada yang dipanggil ke Wisma Putra.

Kementerian dalam kenyataannya berkata kerajaan memandang berat kegiatan-kegiatan mengintip oleh ketiga-tiga pegawai Soviet itu.

"Kegiatan-kegiatan yang seumpama itu tidak dapat diterima dan merupakan penyalahgunaan yang amat berat akan kedudukan mereka sebagai pegawai-pegawai kedutaan.

"Kegiatan-kegiatan itu juga merupakan satu ancaman langsung kepada keselamatan negara ini," tegas kenyataan itu lagi.

### Ancaman

"Kerajaan menganggap bahawa dengan kehadiran mereka seterusnya di Malaysia akan menjadi ancaman kepada keselamatan negara dan boleh menjejaskan kepentingan hubungan baik antara kedua-dua negara."

Siddiq, 43 tahun, dilantik sebagai Setiausaha Politik kepada Timbalan Perdana Menteri dalam tahun 1976.

Sebelum itu ia menjadi Setiausaha Politik kepada Menteri Pelajaran, sejak 1974.

Siddiq juga pernah menjadi pegawai perhubungan akhbar dengan tiga kementerian — 1970 di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, 1972 di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan 1973 di Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar.

Beliau mula memasuki gelanggang politik sebagai wakil peribadi Ahli Parlimen Rawang, Selangor dalam tahun 1964.

Dalam tahun 1966 pernah menjadi Pengerusi Tetap UMNO Kelantan Hilir dan kemudian bendahari bahagian itu.

Dalam tahun 1972 bersama beberapa orang lagi beliau mengasaskan UMNO cawangan Ampang Jaya dan pernah dipilih sebagai Ketua Pemuda Cawangan.

## ASP Zomin maut dalam nahas j-raya

BUKIT MERTAJAM, Isnin — Penolong Penguasa Zomin Othman, 36, dari Bahagian Pencegah Pertubuhan Kongsi Gelap Ibupejabat Polis Pulau Pinang terbunuh apabila keretanya terbabas dan melanggar sebuah tiang lampu di Jalan Bukit Tengah di sini pada jam 1.30 pagi hari ini.

Timbalan Ketua Polis Daerah (Jenayah) Penolong Mazlan Jamil berkata, Penolong Penguasa Zomin adalah dalam perjalanan balik dari Kuala Lumpur ke Butterworth bersama ayahnya Encik Othman Jalil dan adiknya, Zaibidi, 26, apabila kemalangan itu berlaku.

Katanya, Penolong Penguasa Zomin mati di hospital daerah Bukit Mertajam pada jam 4.40 pagi.

Ayahnya yang cedera parah telah dihantar ke Hospital Besar Pulau Pinang dan adiknya yang hanya cedera ringan diberi rawatan pesakit luar.



## Ketua agen KGB fasih bertutur bahasa Malaysia

KUALA KUMPUR, Isnin — V.P. Romanov, Setiausaha Kedua Kedutaan Soviet Union di sini yang diusir ialah Ketua Agen KGB di Malaysia, menurut sumber-sumber rasmi di sini.

Seroang rakannya mensifatkan Romanov sebagai "seorang yang suka berseloroh" selalu memandu kereta putih jenis Peugeot 504.

Dia dikatakan dalam umur awal empatpuluhan, faseh berbahasa Malaysia dan

Kedudukan rasmi Romanov ialah ke 12 dalam Kedutaan Soviet di sini yang dipercayai mempunyai 18 pegawai diplomat.

Duta Besar Soviet, Dr. B.T. Koulik, kini sedang bercuti di Russia. Beliau berlepas ke sana pada 4 Julai.

Yang menggantikan beliau untuk bertanggungjawab ke atas Kedutaan itu semasa pemergiannya ialah Encik M.S. Kolids, Kaunselor dan Kuasa Usaha Kedutaan itu.

Dua orang timbalan wakil perdagangan, seorang Setiausaha Kedua (kebudayaan), seorang Setiausaha Ketiga dan dua atace lain.

Di samping itu, kedutaan tersebut dilaporkan mempunyai kakitangan bukan diplomat, iaitu pegawai-pegawai keselamatan, pemandu dan kerani.

### Diplomat Russia pulang

*SALAH seorang pegawai Kedutaan Russia yang diusir membimbing anaknya, Mazia berumur empat tahun memasuki ruang menunggu di Lapanganterbang Antarabangsa Kuala Lumpur di subang, malam tadi.*

*Tiga pegawai kedutaan itu yang diusir ialah V.P. Romanov G.I. Stepanov dan Z.L. Khamidouline bersama isteri serta anak-anak.*

*Mereka berlepas ke Singapura dengan pesawat MAS jam 8.30 malam sebelum pulang ke Moscow.*

## 3 pegawai Kedutaan